

28 NOV 1996

KIM MENAMATKAN LAWATAN TIGA HARI KE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Presiden Korea Selatan Kim Young Sam hari ini menamatkan lawatan tiga hari ke Malaysia dan pulang ke negaranya.

Kim dan delegasinya yang termasuk Menteri-menteri Kabinet dan wakil-wakil sektor swasta berlepas ke Seoul dengan pesawat khas pada lebih kurang 11 pagi ini dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dekat sini.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha yang juga Menteri Pengiring pegawai-pegawai kanan kerajaan yang lain turut berada di lapangan terbang untuk menghantar pulang rombongan itu.

Sebelum itu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali melakukan kunjungan perpisahan terhadap Kim dan isteri, Son Myung Ja di Hotel Hilton di sini.

Kemudian Kim dan isteri mengunjungi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara di sini.

Semasa berada di sini, Kim mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir mengenai hubungan dua hala, ekonomi dan perdagangan.

Kim tiba di sini pada Selasa lepas dari Filipina selepas menghadiri sidang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Bagi Kim dan rombongan, Malaysia merupakan negara terakhir dalam siri lawatan ke tiga negara di Asia Tenggara. -- BERNAMA

RV PR